

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

**TARIKH : 19 MAC 2015 [KHAMIS]**

**SOALAN :**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan kejadian banjir kilat yang sering berlaku di daerah Keningau akibat sungai yang cetek dan sempit, apakah ada cadangan untuk mendalam dan membesarkan sungai – sungai di Kawasan Parlimen Keningau.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa prihatin terhadap masalah banjir di Keningau dan telah mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Keningau.

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah melaksanakan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sg. Padas yang merangkumi daerah Tambunan, Keningau, Tenom, Nabawan dan Beaufort yang telah disiapkan pada tahun 2011.

Sehubungan itu, JPS akan memohon peruntukan dalam RMKe-11 untuk menjalankan reka bentuk terperinci agar cadangan yang digariskan dalam kajian pelan induk tersebut dapat dilaksanakan secara fizikal dalam tempoh 2016-2020.

Sekian terima kasih.